

UMS-SRU jalin kerjasama berkaitan sukan

UB 07.06.2023 P.06

Dalam bentuk khidmat kepakaran pensyarah sains sukan, kebenaran penggunaan fasiliti

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) telah menandatangani surat niat (LoI) dengan Sabah Rugby Union (SRU) bagi mengukuhkan kerjasama dalam Program Sains Sukan UMS.

UMS yang diwakili oleh Dekan FPP, UMS Prof. Dr. Murnizam Hj Halik menandatangani LoI tersebut bersama Timbalan Presiden SRU, Nelson W. Angang bertempat di fakulti itu, baru-baru ini.

Menurut Murnizam, kerjasama itu kolaboratif suling antara UMS dan SRU dalam bentuk khidmat kepakaran pensyarah sains sukan serta kebenaran penggunaan fasiliti di fakulti tersebut terutamanya bagi pengujian prestasi, program pencegahan dan pemulihan kecederaan atlet.

“Selain itu LoI yang ditandatangani ini juga mencakup kepada kerjasama berkaitan aktiviti, penyelidikan dan projek berkaitan sains sukan yang menguntungkan kedua-dua pihak.

“Di samping itu, LoI ini turut menumpukan pada usaha mewujudkan persefahaman hubungan antara pihak universiti dan industri, menyediakan ruang latihan industri



KERJASAMA SUKAN: Gambar kenangan pegawai kedua-dua pihak UMS-SRU bergambar selepas menandatangani LoI baru-baru ini.

kepada pelajar sains sukan, dan kerjasama dalam bidang berpotensi yang dipersetujui dari semasa ke semasa,” katanya.

Sementara itu, menurut Nelson pihaknya menyambut baik kerjasama tersebut dan menyapaikan penghargaan kepada FPP atas kepercayaan yang diberikan.

“Kami telah melihat fasiliti yang terdapat di FPP, kami yakin dan percaya bahawa dengan kolaboratif ini akan memberikan situasi menantang untuk kedua-dua pihak,” ujarnya.

Manakala Pengarah Perubatan SRU, Dr. Kiran Kandiah berkata agenda pertama dalam kolaborasi ini akan melibatkan ujian pra-kejujahan untuk pemain ragbi 7s negeri Sabah.

“Ujian tersebut termasuklah ujian kekuatan otot menggunakan mesin Isokinetik, kecergasan aerobik (VO2max), kecergasan anaerobik (Wingate), pengukuran komposisi tubuh (BIA) dan beberapa ujian kemahiran lain.

“Data yang diperolehi daripada ujian ini akan digunakan

untuk mengenalpasti pemain yang lemah dan menyusun program khas untuk mereka. Ini akan membantu mengurangkan risiko kecederaan dan pada masa yang sama meningkatkan prestasi mereka,” katanya.

Turut hadir dan menyaksikan majlis tersebut Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Madya Dr. Muhammad Idris Bahari @ Bullare; Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa), Dr. Dyg Norizah Kiflee @ Dzulkipli dan Naib Presiden 1 SRU, Terrance Baduk.



AKTIVITI: Terrance mencuba readmill antigraviti yang terdapat di Makmal Rehabilitasi Sukan, FPP.



METERAI: Murnizam (kanan) dan Nelson (kiri) pada simbolik pertukaran dokumen LoI.